

10/05/2002

Umno, Pas boleh bersatu demi ummah

Kadir Dikoh

KIRA-KIRA jam 8 malam kelmarin, dengan berpakaian baju Melayu dan bersongkok, Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, bangun dari tempat duduknya di bilik khas di bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di ibu negara bagi menyambut ketibaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketua pembangkang di Dewan Rakyat itu berjalan ke arah Perdana Menteri, diikuti timbalannya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan Naib Presiden, Datuk Mustafa Ali.

Sedia menanti di situ ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang ditemani Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, Naib Presiden, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Ketua Pemuda, Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Turut serta Pengerusi Sekretariat Syarahan Perdana 'Palestin dan Kemanusiaan', Datuk Abdul Rahim Abu Bakar yang juga Pengerusi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Ahmad Azam Abdul Rahman - dua badan yang menganjurkan majlis itu.

Kira-kira 10 minit sebelum itu, Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, tiba tetapi tidak ke bilik menunggu, sebaliknya terus menuju ke dewan utama di tingkat satu. Ini diikuti ketibaan Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM), Syed Husin Ali, yang juga terus ke dewan utama.

Orang ramai yang sudah membanjiri kawasan sekitar Balai Kris Mas di DBP sejak jam 7 malam lagi, memerhati gelagat pemimpin mereka, sama ada di kalangan penyokong parti pembangkang, Barisan Nasional (BN) atau rakyat biasa.

Kedua-dua pemimpin Umno dan Pas itu kemudian berjalan menuju ke bilik pameran bergambar memaparkan penderitaan rakyat Palestin anjuran akhbar New Straits Times sebelum mereka duduk untuk bersembang di bilik khas itu.

Jam 8.30 malam: Dr Mahathir yang berbaju batik masuk ke dewan utama, diikuti Fadzil, Abdul Hadi dan Abdullah. Ketika itu, suasana dalam dewan agak senyap seketika, tetapi pada pertengahan perjalanan pemimpin berkenaan, orang ramai bertepuk dan juga kedengaran laungan takbir.

Suasananya kelihatan amat luar biasa kerana ini adalah pertemuan dan 'pertembungan' buat kali pertama pemimpin Melayu, khususnya Pas dan Umno di pentas yang sama dengan matlamat sama - demi perjuangan rakyat Palestin.

"Saya bagaikan bermimpi melihat suasana ini... sekurang-kurangnya mereka sudah boleh duduk bersama. Terbayangkah anda selama ini, Dr Mahathir boleh berjalan beriringan dengan Fadzil Noor dan Haji Hadi?," kata seorang tokoh akademik.

Abdul Rahim yang menjadi tuan rumah pula berkata: "Ini hanya permulaan untuk wacana yang lain."

Malah, ucapan alu-aluan Abdul Rahim pada majlis itu bagaikan meniup semangat ke arah kerjasama lebih jitu antara Umno dan Pas bagi memperkasa suara umat Melayu apabila menyebut perumpamaan bahasa Melayu yang berbunyi: "Carik-carik bulu ayam, pasti akhirnya bercantum", "biarlah biduk berlalu, kiambang bertaut".

Abdul Rahim tidak pergi lebih jauh tetapi menyelitkan makna agak mendalam. Ungkapan yang penuh bermakna itu disambut senyuman kedua-dua barisan pemimpin yang duduk atas pentas.

Orang ramai menunggu dengan penuh sabar, menantikan detik ucapan Dr Mahathir dan Fadzil. Setiap sudut dewan penuh sesak, termasuk di tingkat

bawah dengan orang ramai mengikuti acara itu melalui skrin televisyen. Acara itu turut disiarkan secara langsung oleh TV1 ke seluruh negara.

Setelah upacara deklamasi sajak dan tayangan video mengenai penderitaan rakyat Palestin ihsan TV3, Fadzil dijemput berucap kira-kira jam 9.10 malam. Menggunakan teks ucapan, Presiden Pas itu berucap selama kira-kira 50 minit dengan banyak menceritakan sejarah latar belakang perjuangan rakyat Palestin.

Rupanya pandangan Fadzil mengenai Palestin, Israel dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) serta sikap Presiden George W Bush yang menyokong Israel dan keangkuhan Perdana Menteri, Ariel Sharon, hampir serupa dengan pandangan Dr Mahathir selama ini.

"Bush suruh undur tetapi diperlekeh oleh Israel. Ariel Sharon sudah tak hirau desakan dunia... inilah pegganas paling terkutuk di dunia sekarang dan layak untuk diadili masyarakat Islam agar konflik di bumi ambia ini berakhir.

"PBB umum pasukan penyiasat tetapi dibubar... dipermainkan oleh Israel. PBB dah tak berfungsi lagi seperti disebut oleh Perdana Menteri," kata Fadzil sambil disambut tepukan gemuruh.

Ucapan Fadzil yang juga bekas pensyarah - meskipun dianggap sesetengah pihak kurang menyengat - wajar dipuji kerana memberi perspektif mendalam mengenai sejarah Palestin.

Kemudian tiba giliran Dr Mahathir berucap, juga mengambil masa lebih kurang 50 minit, yang menjurus kepada mengajak umat Islam bersatu berhadapan musuh bersama, iaitu Israel atau lebih tepat lagi Sharon yang dianggapnya sebagai binatang.

"Saya bersyukur kerana dapat bersama dengan pemimpin Pas walaupun ini tidak bermakna kita tidak bermusuhan," katanya dalam pembuka kata sambil disambut gelak ketawa hadirin tetapi Fadzil dan Abdul Hadi kelihatan tersengoh, manakala Wan Azizah yang duduk bersama orang ramai kelihatan senyum sinis.

Presiden Umno itu seterusnya berkata: "Ada masa dan sebabnya yang kita harus bersatu. Dalam soal tentangan kita terhadap Israel dan penindasan yang zalim kepada Palestin dan kekejaman mereka terhadap rakyat Palestin, saya yakin pendapat kita adalah sama."

"Dan memang pun ini adalah sesuatu yang dikehendaki oleh agama kita, iaitu kita perlu bersatu walaupun kita tidak dapat bersatu-padu dalam perkara yang lain tetapi dalam perkara yang mana kita menghadapi liku yang sama, kita harus bersatu-padu," katanya.

Kira-kira 3,000 orang yang hadir, termasuk tokoh akademik, budaya, ulama, ahli politik, dan wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sekali lagi bertepuk, bagaikan memberi persetujuan ke arah `kerjasama' lebih jitu antara Pas dan Umno.

Ungkapan itu menyebabkan suasana kembali hidup dan orang ramai mendengar dengan penuh khusyuk hujah Perdana Menteri selepas itu.

Meskipun tanpa diberi sebarang syarat oleh penganjur, Dr Mahathir dan Fadzil bersikap profesional dengan tidak mengambil kesempatan untuk membidas satu sama lain.

Sama ada pihak pembangkang sedar atau tidak, Perdana Menteri turut menyindir sikap sesetengah masyarakat Melayu hari ini yang bagaikan melakukan sesuatu secara membuta tuli apabila dilanda perasaan marah dan benci terhadap sesuatu perkara.

"Umat Islam tidak boleh bertindak dalam keadaan yang marah kerana ia tidak akan memberi sebarang keuntungan dalam mencapai matlamat atau jalan penyelesaian.

"Malang sekali kalau bertindak mengikut hati kerana ia tidak akan dapat mencapai apa-apa matlamat tetapi sekadar untuk memuaskan hati. Mungkin dia puas hati kerana dapat melepaskan geram tetapi apakah hasilnya?," katanya

merujuk kepada kemarahan umat Islam sejagat terhadap Israel.

Orang ramai sekali lagi memberi tepukan apabila Dr Mahathir berkata: "Sekurang-kurangnya dalam soal ini kita sependapat. Anggap ini sebagai langkah pertama... lain boleh bermusuh tapi yang ini, ini adalah musuh kita bersama.

"Sebab itu saya menerima undangan apabila dipelawa walaupun rasa ganjil kerana jarang bersama dengan Datuk Fadzil Noor. Tetapi apabila Azam (Presiden Abim) kata kena ada perjumpaan, OK. Berkenaan dengan soal Palestin, kita jangan pecah-belah.

"Mungkin strategi saya tak diterima, mungkin saya tak terima strategi yang dirancang oleh Fadzil. Tak mengapa tapi matlamat sama untuk bela rakyat Palestin," katanya.

Pada akhir acara itu, Dr Mahathir dan Fadzil menandatangani pernyataan bersama yang menyatakan komitmen masing-masing untuk bersama-sama memberi sumbangan dalam apa jua bentuk hingga rakyat Palestin dapat hidup dengan aman dan damai di negara yang berdaulat.

Apakah pertemuan itu merintis jalan ke arah pertemuan yang lebih kerap antara Umno dan Pas selepas ini bagi membincang serta menangani masalah bersama atas nama perpaduan Islam melangkaui isu Palestin?

"Insya-Allah. Saya tidak percaya kedua-dua parti ini akan terus bertentangan pendapat dalam segala isu," kata Abdullah ketika ditanya pada sidang akhbar bersama Hadi, Mustafa, Khalil, Azam dan Abdul Rahim selepas majlis itu berakhir.

Abdullah menyifatkan pertemuan itu sebagai bersejarah yang mempertemukan kedua-dua pihak dalam memperjuangkan nasib rakyat Palestin meskipun mempunyai perbezaan fahaman politik.

Sebelum ini, Umno dan Pas berusaha untuk mengadakan pertemuan atas nama perpaduan Melayu tetapi gagal apabila parti pembangkang itu mengenakan pelbagai syarat.

Hadi pada sidang akhbar yang sama berkata, kesepakatan antara Pas dan Umno sebenarnya bukan perkara baru kerana kedua-dua pihak pernah bersependapat dalam beberapa isu sebelum ini.

"Sebelum ini kita pernah sependapat berkenaan beberapa isu seperti isu Bosnia. Ia pernah berlaku dan tidak akan berakhir dengan majlis pada malam ini saja," kata Menteri Besar Terengganu itu.

Abdul Rahim pula berkata, pihak penganjur tidak mengenakan sebarang syarat tertentu kepada kedua-dua penceramah, iaitu Dr Mahathir dan Fadzil dan kedua-duanya tentu tahu apa nak buat.

"Kita tidak saja membicarakan isu Palestin yang sedang menjadi isu kemanusiaan sejagat. Kita juga membicarakannya bersama-sama sebagai pancaran harapan rakyat Malaysia.

"Kedua-dua tokoh itu berkongsi rasa, cita dan perjuangan dengan seluruh rakyat Palestin," kata Abdul Rahim pada sidang akhbar bersama itu menjelang tengah malam.

Dr Mahathir terus pulang selepas acara itu berakhir kerana awal pagi keesokannya perlu terbang ke Kerteh. Abdullah pula menjamu selera di meja makan dengan diapit Fadzil dan Hadi.

Bersama mereka ialah Mustafa, Khalil, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman (penasihat agama kepada Perdana Menteri) dan tokoh bahasa, Datuk Hassan Ahmad.

Apa pun, tiada siapa menang atau kalah antara Umno dan Pas dalam pertemuan itu.

"Yang menang ialah umat Islam kerana kedua-dua pihak yang mempunyai pendirian politik berbeza, mampu duduk semeja untuk memperjuangkan nasib rakan di Palestin. Alangkah baiknya jika Umno dan Pas boleh bercantum ke arah pembentukan satu suara umat Islam Malaysia," kata seorang pemerhati.

(END)

